

SOALAN NO: 147

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji agar pemberian faedah persaraan dalam bentuk ganjaran untuk diberikan kepada pekerja swasta yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan.

PR-1331-T67186

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, belum ada perancangan untuk mengkaji pemberian faedah persaraan dalam bentuk ganjaran kepada pekerja swasta berdasarkan tempoh perkhidmatan. Ini kerana bagi pekerja swasta yang akan bersara, mereka akan mendapat faedah persaraan melalui caruman yang dibuat melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).